



KHILAFAH

centre

*Pusat Pengajian Al-Quran,
Bahasa Arab, Motivasi dll.*

47-1, Jalan 7/7A, Seksyen 7,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor.
Tel/Fax : 03-89201614

No. Pend. 001820737- P

KENYATAAN MEDIA

Muslimah Hizbut Tahrir Malaysia Menganjurkan Konferens Wanita: Menyongsong Penegakan Syariah & Khilafah

Pada 3 Mac 2013 (Ahad), Muslimah Hizbut Tahrir Malaysia (MHTM) dengan kerjasama Khilafah Centre, buat julung-julung kalinya akan menganjurkan sebuah Konferens Wanita bertempat di Hotel Nouvelle, Seri Kembangan, Selangor. Konferens yang bertemakan “Menyongsong Penegakan Syariah & Khilafah” ini bakal menggabungkan penceramah dari dalam dan luar Negara bersama 600 peserta yang terdiri daripada tokoh-tokoh masyarakat dan kaum wanita dari seluruh Malaysia.

Konferens ini dianjurkan atas kesedaran bahawa masyarakat Malaysia khususnya wanita tidak pernah tahu atau tidak mengetahui secara benar tentang wujudnya sistem pemerintahan Islam yang dinamakan Daulah Khilafah. Sesungguhnya Daulah Khilafah ini pernah wujud selama lebih 1300 tahun di atas muka bumi tetapi telah diruntuhkan pada 3 Mac 1924. Sepanjang tempoh tersebut, seluruh manusia (Muslim dan bukan Muslim) yang tinggal di hampir 2/3 dunia telah merasai kesejahteraan dan keamanan hidup di bawah naungan syariah Islam. Konferens ini diadakan pada tarikh 3 Mac kerana MHTM ingin mengajak umat Islam mengingati dan mengambil iktibar daripada detik yang telah mengubah kehidupan manusia ini.

Sejak keruntuhan Khilafah, manusia seluruh dunia hidup dalam kesempitan dan kemunduran termasuk wanita yang telah dinafikan haknya, dipandang rendah, dieksploitasi dan pelbagai lagi penderitaan lain. Semua tragedi buruk ini menghantui wanita kerana kegagalan sistem pemerintahan demokrasi dan sistem ekonomi kapitalis yang menjauhkan manusia daripada aturan PenciptaNya. Allah S.W.T berfirman, “*Dan barangsiapa berpaling dari peringatan-Ku, maka sesungguhnya baginya penghidupan yang sempit, dan Kami akan menghimpunkannya pada hari kiamat dalam keadaan buta.*” [TMQ Thaaha (20):124].

Di sebahagian besar dunia saat ini, jutaan wanita memerah keringat mereka setiap hari untuk mencari wang bagi memenuhi keperluan asas kehidupan mereka seperti makanan dan minuman, pakaian serta tempat tinggal. Dengan tugas sebagai ibu dan pengurus rumahtangga, mereka dibebankan pula dengan tugas mencari nafkah untuk keluarga. Apabila keluar bekerja, mereka terdedah pula kepada ancaman gangguan seksual di tempat kerja dan pelbagai lagi jenayah. Lebih teruk lagi, wanita dianggap sebagai komoditi ekonomi sesebuah negara. Atas nama pemberdayaan atau pemerksaan wanita, wanita dibebankan lagi dengan tanggungjawab sosial untuk membantu menaikkan ekonomi negara. Kesannya, lebih ramai wanita direkrut ke dalam dunia pekerjaan.

Kesannya, institusi keluarga menjadi rapuh dan mudah runtuh. Pada asalnya, seorang wanita (ibu) sepatutnya tinggal di rumah mendidik anak-anak dan menguruskan rumah. Tetapi, anak-anak kecil terpaksa dihantar ke pusat jagaan kanak-kanak atau ditinggalkan bersama pembantu rumah. Pendidikan awal kanak-kanak yang sepatutnya dilakukan oleh ibu bapa telah gagal. Anak-anak remaja pula bebas mencari kehidupan mereka sendiri kerana kurang perhatian daripada ibu bapa yang sibuk. Akhirnya mereka terjerumus dalam keseronokan dunia yang hedonistik dan materialistik.

Sebahagian wanita dan keluarga mereka pula sedang kebulur dilanda kemiskinan. Standard pekerjaan sekarang yang meletakkan nilai pada taraf pendidikan seseorang telah menyebabkan kelemahan ekonomi dalam sesebuah keluarga. Hanya kerana taraf pendidikan yang rendah, ketua keluarga gagal mendapat pekerjaan dan seterusnya gagal memberi nafkah kepada keluarga. Akhirnya, kehidupan keluarga melarat sehingga memaksa wanita untuk keluarga bekerja. Malahan mereka terpaksa memilih kerja yang haram seperti pelacur atau keldai dadah, demi mencari sesuap nasi atau membeli susu anak.

Tidak cukup dengan itu, wanita turut dieksploitasi secara fizikal. Tubuh badan dan kecantikan mereka dimanfaatkan untuk mempromosikan produk-produk di media samada media cetak atau elektronik. Kesannya cukup besar kepada wanita itu khususnya dan masyarakat amnya. Wanita kini dianggap sebagai simbol seks yang dieksploitasi untuk mengaut keuntungan. Masyarakat pula terdedah kepada rangsangan syahwat yang meruntuhkan iman dan moral sehingga berleluasanya zina, rogol, cabul dan lain-lain.

Inilah kesan daripada penerapan sistem pemerintahan demokrasi dan sistem ekonomi kapitalis yang mengenyahkan peranan agama dalam mengatur urusan kehidupan manusia. Padahal agamalah yang sepatutnya dijadikan peraturan dan cara hidup manusia. Allah S.W.T berfirman, "*Kemudian Kami jadikan kamu berada di atas suatu syariat (peraturan) dari urusan (agama itu), maka ikutilah syariat itu dan janganlah kamu ikuti hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui*" [TMQ al-Jaatsiyah (45):18].

Selama lebih 1300 tahun, Islam pernah menaungi dunia dengan memberi kesejahteraan kepada seluruh manusia seperti firman Allah S.W.T, "*Dan Kami turunkan kepadamu Al Kitab (al-Quran) untuk menjelaskan segala sesuatu dan petunjuk serta rahmat dan kabar gembira bagi orang-orang yang berserah diri*" [TMQ an-Nahl (16):89].

Jadi, Konferens Wanita ini dianjurkan untuk mempersembahkan kepada masyarakat tentang model pemerintahan Khilafah sebagai sebuah sistem pemerintahan yang menerapkan hukum syariat Islam. Sistem Khilafah telah melindungi wanita kerana Islam memandang wanita sebagai seorang manusia yang wajib dipenuhi keperluannya dan dipelihara haknya bukan sebagai komoditi kekayaan atau bahan eksploitasi. Sistem Khilafah ini jugalah yang akan melindungi wanita daripada segala macam penderitaan dan kesempitan yang dialami sekarang. Untuk itu, kami mengajak seluruh wanita untuk bersama-sama berusaha untuk mengembalikan kegemilangan dan kesejahteraan manusia dengan menegakkan kembali Syariah dan Khilafah. Sesungguhnya usaha ini adalah tanggungjawab setiap orang-orang yang beriman termasuk wanita.

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي
 الْأَرْضِ كَمَا أَسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي
 ارْتَضَى لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّن بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي
 شَيْئًا وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٥٥﴾

“Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal-amal yang saleh bahwa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa dimuka bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang sebelum mereka berkuasa, dan sungguh Dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diridhai-Nya untuk mereka, dan Dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka, sesudah mereka dalam ketakutan menjadi aman sentosa. Mereka tetap menyembahku-Ku dengan tiada mempersekutukan sesuatu apapun dengan Aku. Dan barangsiapa yang (tetap) kafir sesudah (janji) itu, maka mereka itulah orang-orang yang fasik” [TMQ an-Nuur (24):55].

Nota kepada Editor:

- (1) Pertanyaan media, sila hubungi melalui e-mail: info.mhtm@gmail.com
- (2) Laman sesawang Kempen: <http://facebook.com/muslimahhizbuttahrir>

Ustazah Aisyah Rahmat
Ketua Muslimah Hizbut Tahrir Malaysia

